

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6918**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah untuk mengatasi penyeludupan di sempadan-sempadan Malaysia/Thailand:-

- (a) bila pagar keselamatan di sempadan hendak dibina semula memandangkan yang sedia ada amat uzur; dan
- (b) bilakah pihak KDN akan menempatkan mesin x-ray yang canggih di ICQ Bukit Kayu Hitam.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Bagi menjawab soalan (a), pihak Kementerian sedang membuat kajian terperinci untuk menggantikan pagar kawad duri yang sedia ada dengan tembok konkrit yang lebih kukuh yang bersempadanan dengan Thailand di Kedah, Perak dan Perlis dan juga membuat cadangan untuk pembinaan pagar yang baru di Kelantan. Kajian tersebut menjurus kepada keberkesanan pemasangan tembok tersebut dan juga mengkaji implikasi kewangan kepada Kerajaan.**

**Bagi menjawab soalan (b), mesin x-ray di ICQS untuk pemeriksaan kenderaan dikendalikan oleh pihak kastam dan bagi pemeriksaan bagasi dikendalikan oleh pihak polis. Pihak kementerian akan mengemukakan cadangan untuk membuat perolehan mesin x-ray bagi pemeriksaan bagasi yang baru bagi menggantikan mesin x-ray lama yang telah mengalami kerosakan dan tidak lagi ekonomik untuk pembaikan (*Beyond economical repair*) yang kini dalam proses mengenalpasti mesin x-ray yang bersesuaian untuk digunakan.**